

Pelaksanaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Adibah Abdul Latif & Siti Khairun Nisa Binti Aman

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pelaksanaan kemahiran generik dalam kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Satu kajian berbentuk tinjauan berdasarkan kaedah deskriptif telah dilakukan untuk melihat kaedah dalam melaksanakan kemahiran generik serta kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan kemahiran generik. Kajian ini juga dilakukan dengan melihat perbezaan kaedah pelaksanaan kemahiran generik antara jantina. Populasi kajian ini adalah seramai 73 orang pensyarah bagi lima jabatan yang berlainan. Pemilihan sampel secara rawak mudah dan seramai 52 orang pensyarah telah dipilih sebagai responden. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat kaedah pelaksanaan kemahiran generik dalam kalangan pensyarah serta kekangan yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan kemahiran generik. Bagi melihat perbezaan antara jantina terhadap kaedah pelaksanaan kemahiran generik, analisis telah dilakukan dengan menggunakan t-test. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pelaksanaan kemahiran generik yang mempunyai nilai min tertinggi iaitu dalam kemahiran bekerja secara kumpulan. Dalam kemahiran bekerja secara kumpulan, kaedah pelaksanaan paling banyak digunakan ialah kaedah perbincangan dalam ahli kumpulan. Analisis ujian-t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pelaksanaan kemahiran generik merentas jantina sekaligus menyokong hipotesis kajian ini.

Katakunci : kemahiran generik, pensyarah

Pengenalan

Kemahiran merupakan satu keperluan asas bagi seseorang pekerja selain daripada mempunyai pengetahuan asas yang kukuh dalam bidang yang diceburi. Pekerja yang tahu akan tanggungjawab mereka, seharusnya dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan sempurna dan berkualiti kepada sektor pekerjaan yang diceburinya seperti sektor pendidikan. Guru adalah penentu kepada kualiti pendidikan yang terdapat di sekolah. Oleh itu, guru seharusnya mempunyai pengetahuan asas yang kukuh dalam bidang yang diceburi, kemahiran pedagogi serta memiliki beberapa kemahiran asas yang lain bagi melengkapkan diri sebelum menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Menurut Kartini (2002), beberapa kemahiran generik perlu dikuasai oleh guru bagi melaksanakan pedagogi bestari seperti kemahiran berfikir, kemahiran mentaksir, kemahiran pemudahcara, kemahiran mentaksir dan menilai, dan kemahiran teknologi komputer. Sekiranya guru mempunyai ilmu pengetahuan tentang subjek yang diajar sahaja adalah tidak mencukupi. Selaras dengan tuntutan teknologi maklumat dan komunikasi, guru seharusnya telah menguasai pelbagai kemahiran generik seperti kemahiran berfikir, komunikasi dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, kemahiran asas seperti kemahiran generik adalah sangat penting yang harus diketahui oleh guru akan kepentingannya untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran ini juga tidak boleh dipandang remeh sewenang-wenangnya jika Malaysia ingin menempuh era globalisasi kearah membangunkan sumber tenaga yang

mempunyai ciri-ciri *K-Worker*, celik dan mahir dalam teknologi komputer, mampu bersaing pada peringkat tempatan dan pada peringkat global, bahkan memiliki jati diri dan daya saing yang tinggi seperti negara-negara maju yang lain. Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan berkomunikasi dan menguasai bahasa.

Kemahiran generik adalah sesuatu yang berunsurkan kemahiran, kecekapan dan ketrampilan. Kemahiran boleh didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian untuk mengerjakan sesuatu. Kecekapan pula boleh didefinisikan sebagai kemampuan atau kebolehan melakukan sesuatu dengan cepat dan sempurna, berkemahiran, kepandaian, dan kepantasan membuat sesuatu. Ketrampilan dijelaskan sebagai kecekapan dan kemampuan yang tinggi dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Pernyataan Masalah

Semasa pelbagai isu mengenai ciri-ciri graduan dan keperluan industri telah banyak diutarakan, jelasnya isu kemahiran dalam bidang utamanya sangat penting tetapi kemahiran generik menjadi suatu keperluan gandingan yang menentukan keberterusan sesuatu firma atau organisasi. Ini kerana suasana globalisasi, perubahan teknologi, pengeluaran, pemasaran, penggunaan ICT, mobiliti pekerja dan sebagainya menyebabkan industri berada dalam suatu suasana persaingan yang sengit di peringkat antarabangsa. Tenaga manusia/ pekerja yang bukan sahaja mahir dalam bidang profession masing-masing tetapi mempunyai kelebihan dalam kemahiran generik menjadi tonggak dalam persaingan tersebut. Pihak industri tidak lagi mampu untuk melatih pekerja mereka mahupun mempunyai kesempatan luar dalam memilih calon-calon yang sesuai. Peranan ini perlu dimainkan oleh pihak IPT/ universiti melalui proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam kursus-kursus di peringkat fakulti masing-masing.

Sementara itu menurut Kementerian Sumber Manusia (2001) antara faktor graduan tidak dapat pekerjaan di industri adalah di sebabkan majikan masa kini yang memerlukan kemahiran generik dari segi keperibadian, penampilan, keyakinan diri, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan dengan pantas di samping pengetahuan akademik tetapi graduan hari ini tidak mampu melaksanakannya menyebabkan mereka tidak diterima bekerja.

Atas kesedaran bahawa isu kelemahan generik di kalangan para graduan termasuk UTM, maka UTM mengambil inisiatif sendiri dengan melancarkan program menggilap potensi bakal graduan melalui penerapan kemahiran generik untuk memupuk atribut graduan yang berjaya dan serba boleh. Atribut Graduan (*graduate attribute*) yang meliputi aspek teknikal dan generik merupakan asas yang paling praktikal dan berkesan dalam rekabentuk, pembangunan dan pelaksanaan kurikulum sesebuah program akademik. Kurikulum berasaskan atribut ini juga lazimnya digunakan sebagai asas bagi proses pengiktirafan dan akreditasi oleh badan profesional dan juga Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Di UTM, kebanyakan program akademik direkabentuk dan dibangunkan berasaskan atribut yang ditetapkan oleh badan profesional. Selain daripada kemahiran dari aspek teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing, kemahiran generik (kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berkerja secara berkumpulan dan lain-lain lagi) merupakan atribut yang amat perlu dikuasai dan diamalkan oleh graduan universiti, khususnya di era persaingan global berasaskan pengetahuan dan k-ekonomi ini. Di samping aspek teknikal, kebanyakan majikan menggunakan penguasaan

kemahiran generik ini sebagai asas dalam pengambilan graduan untuk berkerja dalam institusi atau syarikat mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan, berdasarkan beberapa persoalan yang telah dikenalpasti. Antara objektif yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- (a) Mengenalpasti kaedah pelaksanaan kemahiran generik dalam kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM.
- (b) Mengenalpasti perbezaan pelaksanaan kemahiran generik dalam kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM merentas jantina.
- (c) Mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan kemahiran generik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah dalam meningkatkan mutu pelaksanaan kemahiran generik semasa proses pengajaran dan pembelajaran selain dapat mengendalikan kekangan yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan kemahiran generik. Ini penting bagi memastikan keberkesanan dan ketepatan proses pelaksanaan yang memerlukan seseorang pensyarah itu menguasai pengetahuan dan kemahiran tertentu.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu bakal guru dalam meningkatkan penguasaan kemahiran mereka terhadap kemahiran generik dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak tenaga pengajar terutamanya pensyarah, pihak pentadbir kurikulum pendidikan guru & kementerian pelajaran menyusun strategi dalam menyampaikan kemahiran generik ini dengan lebih jelas kepada bakal guru serta memberi penegasan akan kepentingannya bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan kondusif ke arah memartabatkan profesionalisme di kalangan pendidik / guru.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklum balas tentang pelaksanaan kemahiran generik dalam kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM. Kajian yang dijalankan merupakan kajian yang berbentuk tinjauan berdasarkan kaedah deskriptif dengan menggunakan soal selidik. Kajian ini juga berbentuk kuantitatif. Best dan Kahn (1998), turut mengakui bahawa kajian deskriptif ini dapat menerangkan dan menjelaskan perkara yang sebenar berlaku.

Menurut Mohamad Najib (1999), menyenaraikan jenis kaedah penyelidikan dengan lebih spesifik iaitu setiap metodologi kajian mempunyai reka bentuk kajian tersendiri antaranya kaedah deskriptif. Mereka berpendapat usaha deskriptif mengenai kaitan antara manusia, objek dan peristiwa dalam sesuatu situasi dan cuba menerangkan perubahan yang berlaku dalam kaitan tersebut berdasarkan masa. Reka bentuk berdasarkan deskriptif ini ialah menyelidik beberapa perkara mengikut jangka masa tertentu dan diperkembangkan daripada satu perkara yang berkaitan.

Mohamad Majid (1994), menjelaskan penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Beliau juga berpendapat bahawa penyelidikan deskriptif ini bermatlamat untuk menerokai sesuatu yang belum atau kurang dikaji.

Dalam reka bentuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan yang berbentuk soal selidik. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian tinjauan, iaitu pengumpulan data dalam satu masa tertentu sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik. Dalam Majid (2000) kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah, malahan cara ini paling berkesan untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Menurut Ballies (1976), kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai intrumen kajian adalah bersifat logik, saintifik dan khusus. Ukuran yang bersifat kuantitatif mudah diperolehi. Selain itu ia dapat mengumpulkan data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini. Penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa mengumpul data. Hasil dari soal selidik juga dapat menghasilkan item-item yang konsisten.

Sampel dan Populasi Kajian

Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data. Melalui persampelan pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Populasi boleh didefinisikan sebagai satu set ciri menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu keatas sekumpulan individu atau objek (Mohd Majid, 1994).

Seramai 73 orang pensyarah daripada 5 jabatan daripada Fakulti Pendidikan, UTM telah dipilih sebagai populasi kajian ini. Para pensyarah dipilih secara rawak daripada populasi tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 52 orang telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Oleh kerana pengkaji memilih responden yang terdiri daripada pensyarah yang terdiri daripada bangsa dan jabatan yang berbeza maka pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah. Pemilihan sampel berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi (Krejcie, R .V dan Morgan, 1970).

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data, merupakan satu set soal selidik. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan skala likert iaitu dengan menggunakan skala lima mata. Penggunaan skala lima mata berasaskan sebab-sebab berikut :

- (a) soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik.
- (b) lebih mudah untuk mendapatkan data yang banyak.
- (c) maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis.
- (d) soal selidik lebih menjimatkan masa, tenaga dan kos.
- (e) responden lebih mudah dan berani untuk memberi tindak balas terhadap aspek yang dikaji.

Kajian Rintis

Kajian ini bertujuan memastikan ketepatan item dalam soal selidik dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Mohd Najib (1999), kesahihan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur. Sesuatu ujian mestilah dapat dibuktikan dengan mengukur sesuatu kemahiran tertentu, bukan mengukur perkara atau kemahiran lain. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan keputusan

ujian iaitu sesuatu tanpa yang diperolehi oleh seseorang sememangnya melambangkan tahap kemahiran beliau dalam ujian tersebut.

Kajian rintis juga digunakan untuk mengkaji kemungkinan timbul permasalahan sewaktu proses sebenar kajian yang akan dijalankan. Kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang responden yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), UTM Skudai, Johor.

Bagi menguji kebolehpercayaan dalam instrumen kajian pengkaji menggunakan Model Alpha Cronbach dalam perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) Versi 13.0. Hasil dari kajian rintis yang dijalankan kebolehpercayaan soal selidik yang diproses adalah 0.939. Menurut Mohd Najib (1999), jika pekali Alpha Cronbach di antara 0.8 hingga 1.0 menunjukkan item kajian boleh diterima dan tidak perlu ditukar seperti yang terdapat dalam jadual 3.5 dibawah ini.

Jadual 1 : Pekali Alpha Cronbach

Nilai Alpha	Kedudukan Item
0.0 - 0.20	Rendah (ubah kesemua item)
0.21 - 0.80	Sederhana (ubah sebahagian item)
0.81 - 1.00	Tinggi (item boleh terima)

Sumber : Mohd. Najib, (1990)

Analisis Data

Jadual 2 : Taburan Kaedah Pelaksanaan Kemahiran Generik Bagi Kepemimpinan dan Proaktif Mengikut Peratusan, Kekerapan, Min dan Sisihan Piawai

Item	TP	JS	KK	K	SK	Min	Sisihan Piawai
Saya menerapkan pengetahuan tentang teori asas kepimpinan melalui kaedah penerangan	9.6	23.1	32.7	25.0	9.6	3.02	1.13
	5	12	17	13	5		
Saya menerapkan kebolehan memimpin projek melalui tugas berkumpulan	3.8	-	11.5	61.5	23.1	4.00	0.84
	2	-	6	32	12		
Saya menjalankan perbincangan dalam kelas untuk mewujudkan sikap proaktif pelajar.	3.8	-	9.6	73.1	13.5	3.92	0.76
	2	-	5	38	7		

Saya menerapkan kebolehan menyelia anggota pasukan melalui aktiviti lawatan	38.5	21.2	32.7	3.8	3.8	2.13	1.10
	20	11	17	2	2		
Saya mengarahkan pelajar membentangkan hasil projek kumpulan dalam melibatkan semua ahli kumpulan, yang dikawal oleh seseorang ketua kumpulan	5.8	13.5	26.9	36.5	17.3	3.46	1.11
	3	7	14	19	9		

Berdasarkan jadual 2, peratus tertinggi bagi kepemimpinan dan proaktif iaitu dalam pensyarah menerapkan kebolehan memimpin projek melalui tugas berkumpulan. Sebanyak 23.1% menjawab sangat kerap dan 61.5% kerap. Ini diikuti dengan 11.5% menjawab kadang-kadang dan 3.8% tidak pernah. Tiada responden menjawab jarang sekali. Nilai min 4.00 dan sisihan piawai 0.84.

Peratus kedua tinggi iaitu dalam pensyarah menjalankan perbincangan dalam kelas untuk mewujudkan sikap proaktif pelajar. Sangat kerap sebanyak 13.5%, kerap 73.1%, kadang-kadang 9.6% dan tidak pernah sebanyak 3.8%. Tiada responden menjawab jarang sekali untuk item ini. Nilai min 3.92 dan sisihan piawai 0.76.

Peratus seterusnya tinggi iaitu dalam pensyarah mengarahkan pelajar membentangkan hasil projek kumpulan dalam melibatkan semua ahli kumpulan, yang dikawal oleh seseorang ketua kumpulan. Sebanyak 17.3% menjawab sangat kerap, 36.5% menjawab kerap dan 26.9% menjawab kadang-kadang. Sebanyak 13.5% menjawab jarang sekali dan 5.8% tidak pernah. Nilai min ialah 3.46 dan sisihan piawai 1.11.

Jadual 2 : Taburan Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pensyarah Daripada Diri Sendiri (Pensyarah) Mengikut Peratusan, Kekekapan, Min dan Sisihan Piawai

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
Kepadatan jadual waktu P&P menyebabkan penerapan kemahiran generik tidak dapat dilaksanakan.	15.4	36.5	21.2	25.0	1.9	2.62	1.09
	8	19	11	13	1		
Masa pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencukupi, menyebabkan kemahiran generik tidak dapat dilaksanakan.	15.4	36.5	23.1	25.0	-	2.58	1.04
	8	19	12	13	-		

Kekurangan pengetahuan dalam kaedah pelaksanaan kemahiran generik menyebabkan kemahiran generik tidak dapat diterapkan	11.5	30.8	25.0	32.7	-	2.79	1.04
	6	16	13	17	-		
Kurang memahami secara mendalam kriteria-kriteria kemahiran generik yang perlu diterapkan menyebabkan kemahiran generik tidak dapat dilaksanakan.	15.4	28.8	25.0	30.8	-	2.71	1.07
	8	15	13	16	-		
Pesepsi bahawa kemahiran generik kurang penting untuk dilaksanakan menyebabkan kemahiran generik kurang diterapkan.	25.0	23.1	19.2	32.7	-	2.60	1.19
	13	12	10	17	-		

Berdasarkan jadual 2, min tertinggi bagi kekangan yang dihadapi oleh faktor diri sendiri ialah 2.79 dalam kekurangan pengetahuan dalam kaedah pelaksanaan kemahiran generik menyebabkan kemahiran generik tidak dapat diterapkan.

Hanya seorang pensyarah (1.9%) menjawab sangat setuju terhadap item kepadatan jadual waktu P&P menyebabkan penerapan kemahiran generik tidak dapat dilaksanakan. Bagi item lain di bawah faktor diri sendiri ini, tidak terdapat responden menjawab sangat setuju.

Peratus tertinggi iaitu dalam item kekurangan pengetahuan dalam kaedah pelaksanaan kemahiran generik menyebabkan kemahiran generik tidak dapat diterapkan. Sebanyak 32.7% setuju, 25% kurang setuju, 30.8% tidak setuju dan 11.5% sangat tidak setuju.

Perbincangan

Bagi kemahiran generik yang pertama iaitu kemahiran komunikasi, didapati min paling tinggi adalah bagi item “saya mengarahkan pelajar menggunakan teknologi dalam pembentangan”. Nilai min yang diperolehi ialah 4.25. Ini mungkin kerana menggunakan teknologi dapat memberi satu kelebihan pada pelajar apabila bergelar guru kelak. Menurut Kartini (2002), sekiranya guru mempunyai ilmu pengetahuan tentang subjek yang diajar sahaja, ini tidak mencukupi. Selaras dengan tuntutan era teknologi maklumat dan kemahiran, guru seharusnya telah menguasai pelbagai kemahiran generik seperti kemahiran berfikir, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran permudahcara, kemahiran pedagogi dan kemahiran mengintegrasikan teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

Min ketiga tinggi iaitu bagi item “saya menerapkan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui kuliah”. Min yang ditunjukkan iaitu 4.17. Kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kemahiran generik menunjukkan kepentingannya kepada pelajar. Selain itu, ia selaras dengan galakkan universiti ini yang mewajibkan pensyarah menyampaikan kuliah dalam Bahasa Inggeris. Ini juga disokong oleh Esa Abd Samad (2000), yang mengatakan ramai pelajar Melayu kita

yang gagal mendapatkan pekerjaan di sebabkan oleh kegagalan mereka untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan baik.

Min tertinggi bagi kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah iaitu bagi item “saya menyuruh pelajar menyelesaikan masalah dengan menggabungkan beberapa mod pemikiran (seperti kreatif, kritis dan analitik)”. Nilai min ialah 4.27. Nilai min yang tinggi menunjukkan kaedah tersebut adalah paling banyak digunakan untuk menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Ini kerana pelajar perlu diterapkan dengan kemahiran penyelesaian masalah yang akan membantu mereka meningkatkan lagi daya pemikiran dalam pembelajaran seterusnya kemahiran ini dapat dimanfaatkan dalam kehidupan pelajar.

Min kedua tinggi iaitu bagi item “saya menerapkan kebolehan mendapatkan idea serta mencari jalan penyelesaian alternatif bagi sesuatu masalah melalui sumbangsaan”. Nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.55. Menurut Griffin, A. (1994), penyelesaian masalah ialah suatu proses yang mencabar dan memerlukan daya usaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Bagi kemahiran bekerja secara kumpulan, hanya 3 orang pensyarah (5.8%) menjawab jarang sekali. Tiada yang menjawab tidak pernah untuk kaedah pelaksanaan kemahiran generik ini iaitu kemahiran bekerja secara kumpulan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah menerapkan kemahiran kerja kumpulan ini kepada pelajar. Ini juga sesuai dengan pembelajaran dewasa (andragogi) yang menekankan aspek pembelajaran berdikari.

Min tertinggi bagi kemahiran bekerja secara kumpulan ialah bagi item “saya menyuruh pelajar berbincang sesama ahli kumpulan”. Nilai min iaitu 4.27. Bekerja secara kumpulan dalam organisasi merupakan satu aspek yang sangat penting sekiranya sesebuah organisasi itu mahu mencapai matlamat mereka dengan efisien dan berkesan,(Kempt, I. And Seagraves, L, 1995).

Min ketiga tinggi iaitu bagi item “saya menggalakkan pelajar memberi komitmen dalam membuat keputusan secara kolektif”. Nilai min adalah 4.10. Komitmen daripada pelajar adalah perlu ada dalam diri mereka supaya urusan pembelajaran dapat berjalan lancar.

Min keseluruhan bagi kemahiran bekerja secara kumpulan adalah tinggi iaitu 4.07. Ini telah menunjukkan bahawa pensyarah menekankan kemahiran ini melalui kaedah tertentu dalam melaksanakan kemahiran generik memandangkan kepentingannya kepada pelajar pada masa akan datang. Ini juga kerana kemahiran bekerja secara kumpulan adalah penting apabila pelajar telah bekerja kelak.

Bagi kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, hanya 16 orang pensyarah (30.8%) menjawab tidak pernah iaitu bagi item “saya mengadakan seminar bagi menerapkan kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat”. Tiada responden yang menjawab tidak pernah untuk item lain dalam kaedah pelaksanaan kemahiran generik ini iaitu kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Kaedah seminar tidak digunakan dalam kalangan segelintir pensyarah mungkin kerana kekurangan masa untuk melaksanakannya.

Min keseluruhan bagi kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat ialah 3.92. Min yang tinggi ini telah menunjukkan kebanyakan pensyarah menerapkan kemahiran ini kepada pelajar. Ini juga telah menunjukkan bahawa pensyarah menekankan kemahiran ini melalui kaedah tertentu dalam melaksanakan kemahiran generik memandangkan kepentingannya kepada pelajar pada masa akan datang.

Nilai min bagi keusahawanan adalah rendah. Bagi item “saya memberi tugas individu dalam menerapkan kebolehan merancang kerja bagi peluang perniagaan tanpa bergantung kepada orang lain” dan bagi item “saya menerapkan kebolehan untuk membangunkan serta merancang kerja bagi sesuatu peluang pekerjaan melalui tugas”, didapati tiada pensyarah menjawab sangat kerap. Ini mungkin kerana pensyarah hanya menerapkan bidang keusahawanan ini kepada pelajar tanpa ada penilaian kepada pelajar.

Min keseluruhan bagi keusahawanan ialah 1.95. Nilai min adalah rendah. Ini kerana tidak semua pensyarah terlibat dengan pelaksanaan kemahiran generik bagi keusahawanan. Hanya pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan (JPTK) yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan kemahiran keusahawanan. Namun begitu, terdapat pensyarah daripada jabatan lain yang turut melaksanakan kemahiran keusahawanan ini dengan menerapkan kepada pelajar secara tidak langsung.

Rujukan

- Asmah Hj. Ahmad.(2001).*Latihan Perguruan Pra Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan Memenuhi Kehendak SPPSTKP:Penjurus Arah dan Pencorakan Semula Strategi Pendidikan dan Latihan Perguruan:Kertas Kerja*.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azalya Ayob.(2003).*Kepentingan Kemahiran Generik Di kalangan Pekerja Industri Elektrik&Elektronik Di Bayan Lepas Pulau Pinang*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Borich, G.D & Tombari,M.L. (1997). *Education Psychology: A Contemporary Approach*. 2nd Ed.USA:Addison Wesley Longman Inc.
- Conference Board of Canada (2000). *Employability Skills*. Simon Fraser University. Tidak diterbitkan.
- Esa Abd Samad.(2001).*Pencapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya?.UIA*:Tidak Diterbitkan.
- Griffin A.(1994).*Transferring Learning in Higher Education:Problem and Possibilities*, in R.Bannet (ed.),*Academic Community:Discourse or Disorder?*.London:Jessica Kingsley.
- Higher Education Council (1992).*The Quality of Higher Education Draft Advice*. Queanbeyan: Better Printing Service
- Kruliks.& Rudnick, J.A (1993).*Reasoning & Problem Solving:A Handbook For Elementary School Teachers*. Massachussets:Allyn&Bacon Newton.
- Michelle Tullier (2000). “*The Skills You Have, The Skills They Want*”. Tidak Diterbitkan.
- Mohd Majid Konting.(1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa & Pustaka.
- National Skill Task Force (2000). “*Skill For All*” Research Report From The National Skills Task Force UK.
- Oblinger, D.G and Verville, A.L. (1998). “*What Business Wants From Higher Education*”. Phoenix, The Oryx Press.
- Rozanis Mustapa.(2006).*Kepentingan Kemahiran Generik Di kalangan Bakal Pendidik:Kajian Kes Pelajar Tahun 4, Pendidikan Teknikal dan Vokasional,Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- S.Baskaran dan Wahidah.(1990). *Pelaksanaan Penerapan Nilai-nilai Murni Semasa Praktikum Di kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Sains Bintulu:Kajian Kes Di SMK Kidurong, Bintulu*.Kertas Kerja.Sarawak.
- Wiersma, W. (1995). “*Research Methods in Education- An Introduction*”. 6th Ed. Boston: Allyn and Bacon.